

24 JUN 2002

MESYUARAT KHAS MT BARISAN NASIONAL ESOK

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) Barisan Nasional (BN) bagi membincangkan isu peletakan jawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden Umno dan Pengerusi BN akan diadakan esok di Ibu Pejabat Umno, Menara Dato Onn, di sini.

Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat berkata mesyuarat itu yang akan diadakan pada pukul 6 petang di Tingkat 39, Ibu Pejabat Umno akan dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi BN Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Mesyuarat itu akan diadakan selepas mesyuarat khas MT Umno yang akan diadakan di tempat yang sama, katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Mohamed berkata mesyuarat khas itu akan menerangkan dan membincangkan mengenai hasrat Perdana Menteri untuk bersara daripada semua jawatan politiknya, termasuk jawatan yang dipegangnya dalam BN seperti yang diumumkan oleh Dr Mahathir semasa menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung Umno 2002 Sabtu lepas.

Surat jemputan untuk menghadiri mesyuarat khas itu telahpun dihantar dengan telegram kepada semua anggota MT dan diharapkan kesemua mereka dapat menghadirkan diri memandangkan ianya penting, kata Mohamed.

Beliau berkata mesyuarat khas itu juga berkemungkinan akan mengeluarkan kenyataan mengenai pendirian BN dalam isu itu.

-- BERNAMA

HK HK RHM